



# KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN CAWANGAN KEDAH *GURU KEDAH*

128-C, Kompleks Alor Star, Lebuhraya Darulaman, 05100 Alor Star, Kedah.  
Tel: 04-731 1029, 04-734 0435, 04-441 4119(SP) Fax: 04-734 0716, 04-441 5118(SP)  
Email: kppkedah@streamyx.com, nutpkedah@gmail.com Website: www.nutpkedah.net

UNTUK AHLI KPPK SAHAJA

JUNE 2010

NATIONAL UNION OF THE TEACHING PROFESSION KEDAH BRANCH



## MASA DEPAN SATU CABARAN KEPADA KAUM GURU

Salam sejahtera dan salam muhibah kepada semua ahli NUTP yang dihormati. Perayaan Hari Guru merupakan Hari Keramat kepada kaum guru. Pada tahun ini Program Gotong-Royong Perdana telah diadakan sempena Hari Guru. Maka timbul pelbagai perasaan kaum guru terhadap kewajaran pelaksanaan program tersebut sempena hari meraikan kaum guru. Ada yang mengatakan bahawa ini adalah sumbangan guru kepada kebersihan alam sekitar. Tetapi, ada yang mengatakan bahawa Hari Guru tidak patut diraikan dengan sampah-sarap. NUTP melahirkan rasa kesal terhadap Ketua Jabatan yang menjalankan program ini secara "paksa-rela", walaupun Surat Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, KPM No. Rujukan KP(BPSH -SPKD) 600/03(84) bertarikh 6 Mei 2010 telah jelas menyatakan bahawa program ini dijalankan secara sukarela. Apa yang ingin ditunjukkan oleh mereka ini? Lawan tauke? Engkar perintah? Kekeliruan tidak patut berlaku seperti yang dinyatakan oleh Tan Sri KPPM dalam mesyuarat jawatankuasa khas menangani beban guru. Beliau telah menyatakan bahawa PUNCA KUASA adalah daripada KPM, JPN, PPD dan sekolah adalah hanya pejabat urusan melaksanakan semua dasar kerajaan dan KPM. Jangan wujudkan 'little Napoleon' di sana-sini.

Tidak dapat dinafikan bahawa tanggungjawab guru adalah untuk mendidik anak-anak murid. Sejak akhir-akhir ini, kita lihat setiap hari Sabtu guru dibebankan dengan pelbagai aktiviti atau program. Kita telah berkompromi situasi ini sejak tahun 2002 secara bermuafakat dengan fahaman bahawa terdapat kekurangan kemudahan di sekolah dua sesi. Bilakah keadaan ini akan berakhir? Oleh itu, kita ingin melihat kaum guru hanya bekerja 5 hari seminggu seperti penjawat awam yang lain. Perkara ini telah dijelaskan dalam surat pekeliling No. Ruj JPA (S)43/31 KH.2(SV5) bertarikh 3 April 2002 bahawa kaum guru juga layak menikmati Cuti Hari Sabtu berlandaskan konsep keluarga bahagia.

Memang tidak dapat dinafikan lagi kaum guru memang dibebankan dengan pelbagai tugas tambahan, terutamanya kerja perkeranian. Namun masih terdapat segolongan kecil yang masih sangka bahawa beban guru tidak seberapa. Kajian secara terperinci telah dibuat oleh pihak NUTP pada tahun 2005 dan oleh KPM pada 2007. Laporan-laporan tersebut telah dibentangkan kepada pihak berkenaan. Perjumpaan dengan YAB TPM merangkap YB Menteri Pelajaran pada 31.3.2010 di Parlimen telah mengakui bahawa kaum guru telah dibebani pelbagai kerja perkeranian sehingga tugas mengajar dalam kelas terabai. Kini satu Jawatankuasa Khas yang diwakili oleh NUTP telah ditubuhkan untuk menyelesaikan isu ini.

Menjelang bulan Julai, bayaran pos akan dinaikkan sekali ganda. Bagi mengatasi bebanan pos yang berlebihan, kita memohon supaya semua ahli dapat muat turun semua jenis borang melalui website kita iaitu <http://nutpkedah.net>. Semua aktiviti NUTP akan dipamerkan di website ini untuk makluman dan tindakan ahli-ahli.

" Bersatu Kita Teguh "

Yang ikhlas,

WANG HENG SUAN, AMK, BKM  
Setiausaha Kehormat  
NUTP Cawangan Kedah.

### KEMPEN KEAHLIAN

1 JANUARI 2010 – 31 DISEMBER 2010

Rekrut 2 ahli baru = Hadiah 1 Sijil Premium  
BSN bernilai RM10

**Tahniah** diucapkan kepada semua pemimpin NUTP Kedah yang telah Menang Tanpa Bertanding dalam pemilihan Jawatankuasa CUEPACS Bahagian Negeri Kedah Sesi 2010-2013 di Bangunan Sultan Abdul Halim, Alor Setar pada 11 Jun 2010.

|                                              |                                  |
|----------------------------------------------|----------------------------------|
| Pengerusi                                    | : Sdr. Othman B. Hamid, BKM      |
| Setiausaha Kehormat & Wakil Kogress CUEPACS  | : Sdr. Wang Heng Suan, AMK., BKM |
| Pegawai Pelajaran & Wakil Konvensyen CUEPACS | : Sdr. Tarmizi B. Tajudin, PJK   |
| Ahli Jawatankuasa                            | : Sdr. Mohd Fadzil bin Md. Isa   |
| Pemeriksa Kira-kira Dalaman                  | : Sdr. Ahmad B. Ismail           |



Barisan pemimpin CUEPACS Kedah  
sesi 2010 - 2013



Lawatan ke Sekolah Integriti di Penjara Sungai  
Petani pada 23.12.2009

**TAHNIAH! CUEPACS BAHAGIAN NEGERI KEDAH TELAH MEMENANGI  
"ANUGERAH CUEPACS BAHAGIAN CONTOH TAHUN 2010" DI STADIUM  
NEGERI KUALA TERENGGANU PADA 1 MEI 2010**



#### SURAT PEKELILING

**PENANGGUHAN BAYARAN SEBAHAGIAN GANJARAN BERKAITAN PERSARAAN PILIHAN**  
JPA/PEN(S) 228/2515-11(22) bertarikh 25 Jan 2010

1. Kuatkuasa bagi semua persaraan pilihan yang diluluskan pada atau selepas 1 Feb 2010
2. Dibayar 20% daripada ganjaran atau RM10,000 mengikut mana yang lebih.  
Baki dibayar pada tarikh yang akan ditetapkan oleh kerajaan tidak melampaui tarikh anggota mencapai umur bersara wajib.
3. Ganti Cuti Rehat (GCR) dan pensen bulanan dibayar sepenuhnya
4. Kelonggaran syarat diberi kepada persaraan pilihan sendiri atas sebab
  - a. Rawatan perubatan diperlukan oleh anggota atau ahli keluarga
  - b. Perbelanjaan pendidikan diperlukan bagi anggota atau ahli keluarga
  - c. Anggota memerlukan kewangan bagi mengelakkan diri daripada tindakan kebangkrapan.

#### PEKELILING PERKHIDMATAN BIL 4 TAHUN 2010

- \* Pemansuhan bayaran wad kepada pegawai dan pesara perkhidmatan awam.

## AKTIVITI-AKTIVITI NUTP



Bersama Tan Sri Ketua Setiausaha KPM dan Tan Sri KPPM berbincang masalah guru pada 31 Mac 2010 di Parlimen.



Menteri Pelajaran merangkap Timbalan Perdana Menteri berdialog dengan Pemimpin NUTP pada 31 Mac 2010 di Parlimen.



Seminar Kepimpinan MTUC bagi bakal pemimpin Negeri Kedah dan Perlis dan P.Pinang diadakan di Sungai Petani pada 20 Januari 2010.



Barisan Pemimpin Tertinggi NUTP bermesyuarat dengan BSM, Kementerian Pelajaran Malaysia di Putrajaya pada 2 April 2010.



Rombongan NUTP Kedah ke Kajian Pertengahan Penggal KPPK 2009 - 2011 pada 11 Mac 2010 di Negeri Sembilan.



NUTP Kedah membuat sumbangan derma dalam Pelancaran Tabung Haiti pada 19 Feb 2010.

### KEMPEN KEANGGOTAAN KOPERASI KPPK

Rekrut 1 Anggota baru = Hadiah **RM10**  
Pelbagai Pinjaman Tanpa Penjamin Disediakan.  
Keterangan lanjut sila layari  
[www.kppkbhd.com](http://www.kppkbhd.com)

### Sidang Pengarang Guru Kedah

Penasihat : Othman b Hamid, BKM  
Pengarang : Wang Heng Suan, AMK, BKM  
AJK : Mohd Fadzil B Md Isa  
Ang Cheng Chooi, BKM, PJK  
Pang Bee Hong  
Oh Ah Heng



Taklimat isu-isu semasa serta penyampaian insentif SPM diadakan di Pusat Perkhidmatan NUTP Sungai Petani pada 8 Mei 2010



Taklimat isu-isu semasa dan penyampaian insentif SPM diadakan di ASRC Alor Setar pada 7 Mei 2010



Ahli-ahli NUTP sedang mendengar taklimat di Sungai Petani pada 8 Mei 2010



Suasana gembira semasa majlis pembayaran insentif SPM di Pusat Perkhidmatan Sungai Petani pada 8 Mei 2010



Suasana taklimat isu-isu semasa di ASRC Alor Setar pada 7 Mei 2010



Tahniah kepada semua pemenang Kempen Keahlian Tahun 2009